



فجابت فغار تانه دان كلين فهاغ

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PAHANG

Bangunan PTG, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan.

Pejabat Am : 09-571 2600 No Faks : 09-571 2605

Email : ptgphg@pahang.gov.my



#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>

Rujukan Kami : PTG.PHG.08/02/013.SJ.03.JLD4.Bil 111

Tarikh : 28 Julai 2021

Pengerusi,

Jawatankuasa Peguam Negeri Pahang Darul Makmur

B-64, Tingkat 1-A, Lorong Tun Ismail 6,

25000 Kuantan,

PAHANG DARUL MAKMUR

No. Faks : 09-5159243

Tuan,

**PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH MASA DAN PENGECUALIAN DENDA TERHADAP PENDAFTARAN SURATCARA URUSNIAGA DI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PAHANG SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP 3.0 FASA 1) YANG BERTERUSAN SEHINGGA 14 JUN 2021 (DAN UNTUK TEMPOH FASA PKP SETERUSNYA)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat pihak YH. Dato'/ Tuan/ Puan bertarikh 4 Jun 2021.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pengecualian denda lewat fi pendaftaran diberikan terhadap mana-mana suratcara urusanniaga dan bukan urusanniaga yang luput semasa penutupan kaunter dalam tempoh PKPD dan PKP initu bermula 24 Mei 2021 sehingga sehingga 17 Julai 2021 (dan/atau bagi mana-mana tempoh lanjutan PKP seterusnya yang ditetapkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa yang melibatkan penutupan operasi kuanter).

3. Selain itu, pelanjutan tempoh juga telah diberikan bagi urusan surat kelulusan *consent* yang tidak dapat diperbaharui semasa penutupan kaunter dalam tempoh PKPD dan PKP tersebut.

4. Walau bagaimanapun, suratcara dan surat kelulusan *consent* yang telah luput dalam tempoh PKPD dan PKP tersebut hendaklah dibuat perserahan dan diperbaharui dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari dari tarikh kaunter mula dibuka atau tarikh temujanji yang diperolehi.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

( BIBI SABRINA BINTI WAHAYA )

Penolong Pengarah (Pendaftaran) I

b.p Pengarah Tanah dan Galian Pahang

Sila Sebut Nombor Rujukan Kami Bila Menjawab